

22/08/2000

SAID 2000 setuju perkongsian pintar

MAPUTO (MOZAMBIQUE), Isnin - Dialog Antarabangsa Selatan Afrika (SAID) 2000 yang bermula semalam, bersetuju mewujudkan perkongsian pintar antara negara di Asia dan Afrika bagi membolehkan pertukaran berita dibuat secara terus.

Sehubungan itu, cadangan dibuat supaya satu rangkaian kerjasama ditubuhkan antara pertubuhan media di negara Asia dan Afrika.

Pengerusi Bersama (Kerajaan) Kumpulan Industri-Kerajaan Bagi Teknologi Tinggi (MIGHT), Tan Sri Dr Omar Abdul Rahman, berkata perkara itu adalah antara cadangan yang dikemukakan dalam sesi dialog perkongsian pintar dengan pihak media yang berlangsung di Hotel Polana di sini, petang semalam.

Selain itu, katanya, ada cadangan supaya sumber sedia ada di negara Asia dan Afrika dimanfaatkan supaya rakyat kedua-dua benua itu dapat memperolehi berita yang seimbang.

"Sumber itu termasuk penggunaan teknologi maklumat seperti Internet yang sudah ada di kebanyakan negara di Asia dan Afrika," katanya.

Perkara itu dibincangkan dalam sesi dialog perkongsian pintar dengan media yang dihadiri ketua kerajaan, ahli perniagaan, wakil kesatuan sekerja dan kira-kira 40 wakil pertubuhan media negara di selatan Afrika serta Malaysia.

Antara pemimpin negara yang menghadiri dialog itu ialah Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad; Presiden Mozambique, Joaquim Chissano; Presiden Zimbabwe, Robert Mugabe; Presiden Namibia, Sam Nujoma serta Perdana Menteri Swaziland, Dr Barnabes Dlamini.

Perdana Menteri Mozambique yang juga Menteri Ekonomi dan Hal Ehsan Sosial, Dr Pascoal Mocumbi menjadi fasilitator dialog itu yang bertemakan Pembentukan Semula Media: Perkongsian Pintar Dalam Dunia Digital.

Malaysia yang turut serta dalam dialog kali keempat itu, menghantar tiga wakil media dalam sesi berkenaan serta dijangka memainkan peranan aktif ke arah merealisasikan penubuhan rangkaian itu.

Tiga wakil media Malaysia ialah Pengerusi Eksekutif Kumpulan Utusan Melayu Bhd, Tan Sri Kamarul Johan Ariffin; Editor-at-large Kumpulan The New Straits Times Press (M) Bhd, Hardev Kaur dan Timbalan Pengarang The Star, Wong Sai Wan.

Berikutan itu, empat perkara asas dibincangkan ke arah melaksanakan cadangan berkenaan iaitu penubuhan wadah yang membolehkan semua pertubuhan media menghantar dan mengambil berita, kepentingan mengekalkan nilai dan tradisi tempatan dalam penulisan berita, penggunaan teknologi yang sedia ada di dunia ketiga, serta kepentingan dan kos untuk menjana pengetahuan mengenai penggunaan teknologi maklumat.

Dialog itu juga mencadangkan penubuhan rangkaian berita yang dianggotai pertubuhan media negara selatan Afrika seperti yang dilakukan negara Asia menerusi pembentukan Rangkaian Berita Asia (ANN) tiga tahun lalu.

(END)